

# Merintis uji kemahiran membaca peta Pasukan Kadet

Siaran Akbar :  
Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 2 September - Pasukan Kadet Tentera dari Sekolah Menengah Muda Hashim (PKT SMMH) dan Pasukan Kadet Tentera dari Sekolah Menengah Tanjong Maya (PKT SMTM) masing-masing menjuarai keseluruhan Kategori Lelaki dan Perempuan bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab dalam Pertandingan Merintis Pasukan Kadet Tentera Diraja Brunei Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) senegara yang diadakan di Taman Rekreasi Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.

Pertandingan Merintis dikendalikan bersama oleh Pasukan Kadet Tentera Diraja Brunei dan Jabatan Pendidikan Ko-Korikulum, Kementerian Pendidikan.

Manakala juara keseluruhan bagi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi Kategori Lelaki telah dimenangi oleh Pasukan Kadet Tentera Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PKT UNISSA) dan bagi Kategori Perempuan dirangkul oleh Pasukan Kadet Tentera dari Universiti Teknologi Brunei (PKT UTB).

Bagi Acara Terbuka, Juara Lelaki Terbuka dimenangi oleh 2220 Kpl (KT) Md Adam Aiman

bin Haji Md. Firman daripada Maktab Sultan Omar Ali Saifudien (PKT MSOAS) manakala Juara Perempuan Terbuka dimenangi oleh 27253 L/Kpl (KT) Nuraznirah binti Md. Arizal dari Sekolah Menengah Tanjong Maya (PKT SMTM).

Seramai 280 peserta mewakili 15 buah Sekolah Menengah dan Maktab serta lima buah dari IPT telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut. Setiap pasukan terdiri daripada 8 hingga 10 peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang adalah Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abdul Rahman.

Aktiviti pertandingan merintis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan pasukan kadet tentera, yang antara lain bertujuan bagi menguji kebolehan dan kemahiran peserta-peserta dalam membaca peta secara perseorangan dan juga secara berpasukan.

Pertandingan juga memberi tumpuan bagi keupayaan kecergasan jasmani para peserta serta kepentingan kesatuan unit dalam menghadapi cabaran.

# Peserta Kursus Jurulatih Futsal terima sijil



GURU Besar Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin Mentiri, Awang Haji Mat Dani bin Haji Abu Bakar (duduk, dua kiri) bersama Pengarah Gol Brasil ASEAN, Awang Zaifulizan bin Abdul Rahman Mohd, dari Sarawak (duduk, tiga kiri); Pengarah Gol Brasil Brunei, Awang Md. Asfa Nabihah Hakeem bin Awang Haji Puspa (duduk, dua kanan) semasa bergambar ramai bersama para peserta kursus.

Berita dan Foto :  
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**MENTIRI**, Isnin, 2 September. - Kursus Tahap 1 Gol Brasil Futsal Community Coaching yang dianjurkan oleh Gol Brasil Futsal Institute Brunei Darussalam dan Pusa United Academy (PUSA) berakhir dengan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta pada Ahad, 1 September.

Seramai 12 peserta termasuk para jurulatih daripada kelab-kelab futsal tempatan menyertai kursus dua hari tersebut yang diadakan di Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta kursus ialah Guru Besar Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin Mentiri, Awang Haji Mat Dani bin Haji Abu Bakar.

Pengarah Gol Brasil Brunei, Awang Md Asfa Nabihah Hakeem bin Awang Haji Puspa dalam ucapan pada majlis penutup tersebut berkata, Gol Brasil Brunei akan menumpukan kepada Futsal Akar Umbi, Liga Futsal serta mengadakan Kejohanan kejohanan Futsal sebagai

sebahagian daripada sumbangan kepada pembangunan sukan di negara ini melalui sukan Futsal.

Menurut beliau, Gol Brasil Australia juga akan berkunjung ke negara ini untuk memberi sokongan sementara pihak Gol Brasil dari seluruh dunia juga akan dijemput untuk ikut serta dalam apa jua acara antarabangsa yang dianjurkan oleh Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, Gol Brasil Brunei, tambahnya, juga akan memperkenalkan Program Pertukaran Pemain dan Jurulatih bagi pendedahan dan pembangunan masa depan.

Beliau seterusnya berharap para peserta akan dapat menggunakan pakai pengetahuan dan kemahiran yang diraih semasa kursus tersebut sebaik mungkin.

Kursus dua hari itu dikendalikan bersama oleh dua orang jurulatih

yang diiktiraf oleh Gol Brasil, iaitu Pengarah Teknikal Gol Brasil Futsal Institute Brunei Darussalam, Awang Haji Muhammad dan Pengarah Gol Brasil ASEAN, Awang Zaifulizan bin Abdul Rahman Mohd, dari Sarawak, Malaysia.

Pada majlis penutup tersebut, Pengarah Gol Brasil ASEAN, Awang Zaifulizan juga menyampaikan plak Gol Brasil kepada Awang Md Asfa Nabihah Hakeem manakala tetamu kehormat majlis turut menerima plak penghargaan.

Antara tujuan kursus diadakan ialah untuk memberikan peluang kepada orang ramai menjadi jurulatih futsal sebagai platform alternatif kepada kelab-kelab yang sudah ada selain menyokong bidang kejurulatihan dalam memastikan mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang lengkap.



## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam

- Kauter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kauter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kauter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

# ALAI PINTAR 009

## SOALAN 4 SEPTEMBER 2019, RABU

1. Nyatakan alat yang digunakan untuk mengukur kelajuan angin.  
2. Bukit yang tertinggi di Brunei ialah ?  
3. Apakah gelaran yang diberikan kepada Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei Ke-9 ?

## JAWAPAN

1. ....
2. ....
3. ....

TARIKH TUTUP : Isnin, 16 September 2019

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNTIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

## PEMENANG ALAI PINTAR 008 :

Nama : Ahmad Darrel Muhammin bin Amir Izzuddin, No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0097376-01  
Sekolah : Sekolah Rendah Haji Md. Jaafar Maun, Kiulap

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 008

ii), Ada 8, iii) Utard-Mercury (ii) Zuhrah-Venus (iii) Bumi-Earth (iv) Marikh-Mars  
(v) Mustapha-Jupiter (vi) Zulhad-Saturn (vii) Uranus (viii) Neptune  
(ix) 458 Centaur  
(x) Bercakap sembarang,